

## Kedudukan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kedua dalam Kalangan Murid India

**B**ahasa Melayu merupakan bahasa kedua yang dipelajari oleh murid-murid India di sekolah. Oleh hal yang demikian, murid-murid India perlu mempelajari subjek bahasa Melayu bermula pada peringkat pendidikan awal sekolah rendah. Cara penguasaan bahasa pertama dan bahasa kedua amat berbeza. Penguasaan bahasa pertama berlaku melalui pemerolehan yang diwarisi secara turun-temurun dan prosesnya berlaku secara tidak sengaja dan tanpa dirancang. Pemerolehan ini melibatkan proses mental dan prosesnya bersifat tabii. Manakala, penguasaan bahasa kedua diperoleh melalui pembelajaran secara formal di sekolah. Seseorang itu tidak perlu berguru secara formal untuk membolehkan mereka bertutur dengan baik dalam bahasa pertama. Namun, individu tersebut belum tentu dapat bertutur dengan baik walaupun telah mempelajari bahasa kedua secara formal untuk beberapa tahun (Zulkifley Hamid, 2005:26).

Menurut Zamri Mahamod (2008:46), aspek pebelajaran bahasa kedua memainkan peranan yang penting dalam proses pembelajaran subjek Bahasa

Melayu, khususnya dalam kalangan murid India di sekolah jenis kebangsaan Tamil (SJKT). Aspek pebelajaran tersebut dapat memastikan murid-murid India yang mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua mencapai tahap penguasaan yang memuaskan. Hal ini dikatakan demikian kerana penutur bahasa pertama dan bahasa kedua merupakan dua kelompok penutur yang mempunyai ketidaksamaan dalam penguasaan bahasa. Ketidaksamaan ini lahir daripada kelainan corak dan proses penguasaan dalam hal mempelajari aspek nahu sesuatu bahasa.

Kesukaran murid-murid SJKT yang mempelajari bahasa kedua ini memang tidak dapat dinafikan. Bermula dari prasekolah hingga sekolah rendah, terbukti untuk menguasai bahasa Melayu dengan sepenuhnya adalah sukar. Walaupun masa pengajaran untuk bahasa kedua lebih daripada pengajaran subjek lain, namun tahap penguasaannya tidak memuaskan.

Batik Anak Bidin (2011:15) menyatakan bahawa keputusan yang kurang baik dalam mata pelajaran Bahasa Melayu boleh membawa kesan yang kurang baik kepada keseluruhan keputusan murid tersebut.

Menurut beliau lagi, sekiranya murid diberikan peluang untuk memilih stail pembelajaran yang mereka gemari dalam pembelajaran bahasa Melatu, pengajaran akan menjadi lebih seronok kerana stail pembelajaran itu merupakan faktor penentu penguasaan bahasa tersebut dan seterusnya keputusan dalam peperiksaan bagi mata pelajaran ini.

Antara kemungkinan masalah yang utama termasuklah bahasa Melayu diajarkan terlalu formal dan tidak ada persamaan kegunaannya dengan bahasa yang dituturkan sehari-hari iaitu bahasa ibunda. Bukan itu sahaja, ada yang memperkatakan bahawa bahasa kedua yang diajarkan di dalam bilik darjah tidak mengambil kira faktor budaya dan sosial. Tidak dinafikan bahasa Melayu merupakan bahasa yang penting dalam pertuturan masyarakat Malaysia. Kepentingan bahasa Melayu diakui oleh pihak Kerajaan Malaysia. Hal yang sedemikian ini bertepatan dengan pengumuman

dasar Memartabatkan Bahasa Melayu, Memperkukuhkan Bahasa Inggeris (MBMMBI) pada tahun 2009. Setelah dipersetujui, timbalan perdana menteri pada ketika itu mengumumkan bahawa dasar MBMMBI akan dilaksanakan pada tahun 2011, setahun lebih awal daripada yang dijadualkan. Hal yang sedemikian ini seiring dengan matlamat Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP).

Sehubungan dengan itu, Kerajaan Malaysia telah meluluskan cadangan strategi Kementerian Pelajaran untuk memperkukuh bahasa Melayu pada peringkat sekolah. Strategi memperkasakan penguasaan bahasa Melayu ini melibatkan penambahbaikan kurikulum dan penyediaan guru, serta bahan yang mencukupi dan berkualiti untuk melaksanakan kurikulum tersebut.

Tatabahasa merupakan unsur asas bahasa Melayu yang mendasari setiap kemahiran yang dipupuk, iaitu kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Dalam konteks sistem

Aspek tatabahasa bahasa Tamil dan bahasa Melayu adalah berbeza. Murid mungkin membuat kesalahan atas alasan peraturan bahasa baharu tidak diketahui, ataupun masa yang kurang untuk berfikir lalu melakukan kesalahan.

pendidikan negara, khususnya dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR), perkara tersebut menjadi prinsip yang ditegaskan dalam strategi pengajaran bahasa Melayu. Dalam sistem bahasa, terkandung di dalamnya beberapa subsistem penting dan tatabahasa menjadi asas kepada sistem tersebut. Tahap penguasaan murid dalam aspek tatabahasa hanya dapat dicapai sekiranya seseorang murid itu dapat menggunakan bahasa Melayu dengan baik, sama ada secara lisan atau tulisan. Aspek makna juga ditekankan agar apa-apa yang dipikatakan dapat difahami oleh orang lain.

Arbak Othman (1985) berpendapat bahawa pengajaran tatabahasa ialah pelajaran tentang hukum-hukum sesuatu bahasa. Pelajaran hukum-hukum meliputi pengajaran tentang struktur dan sistem bahasa yang diajarkan. Pemahaman murid tentang hukum, selok-belok struktur dan sistem bahasa yang dipelajari itu



akan membolehkan mereka menggunakan bahasa dengan betul.

Pelajaran bertutur dan prinsip tatabahasa harus memainkan peranan yang penting dalam pembelajaran untuk menguasai sesuatu bahasa baharu. Aspek tatabahasa bahasa Tamil dan bahasa Melayu adalah berbeza. Murid mungkin membuat kesalahan atas alasan peraturan bahasa baharu tidak diketahui, ataupun masa yang kurang untuk berlatih lalu melakukan kesalahan. Kesalahan yang dilakukan oleh murid itu merupakan cara murid tersebut membeaskan diri pada ketika itu. Kreativiti digunakan dalam konteks ini kerana dalam apa-apa sahaja masalah yang melibatkan aspek mental, murid-murid akan cuba sedaya upaya mengatasinya pada masa itu juga (Lay Hoon Ang & Che Radiah Mezah, 2012).

Dalam usaha menguasai bahasa, murid dikenendaki menunjukkan penguasaan ini dalam pertuturan, pembacaan, pemahaman dan penulisan. Walaupun peruntukan masa bagi pengajaran bahasa Melayu

mencukupi, tetapi keputusan peperiksaan masih menunjukkan pencapaian yang sangat lemah di sekolah-sekolah SJKT. Sukatan pelajaran bahasa Melayu sekolah rendah memuatkan senarai kemahiran asas berbahasa dan tatabahasa yang perlu dikuasai oleh murid Tahun 1 hingga Tahun 6. Kemahiran tatabahasa amat penting bagi seseorang murid untuk dikuasai memandangkan dalam kertas soalan Bahasa Melayu UPSR mengandungi 20 soalan tatabahasa dalam Kertas 1 dan soalan 21 dan 22 juga bertemakan tatabahasa dalam Kertas 2 mengikut format baharu 2016, berbanding format lama merangkumi 30 soalan tatabahasa. Terdapat 13 aspek golongan kata yang diuji dalam UPSR. Persoalannya, adakah 13 aspek golongan kata yang diajarkan oleh guru untuk murid selain yang dinyatakan dalam KSSR? Bagaimanakah murid akan menguasai tatabahasa sedangkan pengajaran tatabahasa hanya diajarkan secara tidak langsung? Pada peringkat sekolah rendah, guru memang merancang Pengajaran dan Pembelajaran

(PdP) tatabahasa yang disepadukan dengan kemahiran asas berbahasa melalui ilmu yang menjadi isi pelajaran.


Walaupun guru-guru yang mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu di SJKT merupakan guru-guru terlatih lepasan universiti, tetapi sebahagian daripada mereka tidak berpengalaman kerana baru mengajar. Di samping itu, guru-guru baharu ini sesetengahnya bukan daripada opsyen bahasa Melayu. Terdapat hanya segelintir sahaja merupakan guru berpengalaman. Kementerian Pendidikan digesa mengutamakan serta menambah bilangan guru Melayu yang mengajarkan mata pelajaran Bahasa Melayu di SJKT dan SJKT untuk mempertingkatkan penguasaan murid dalam bahasa kebangsaan (Prof. Datuk Kamaruddin Kachar (dalam *Utusan Online*, 27 Oktober 2014). Namun, jika guru Melayu ditempatkan di SJKT untuk mengajarkan bahasa Melayu dalam kalangan murid India, adakah mereka dapat memahami bahasa Melayu memandangkan guru berbangsa India sendiri mendapati murid menghadapi kesukaran untuk memahami bahasa Melayu walaupun diterjemahkan ke dalam bahasa Tamil?

Oleh sebab itu, berdasarkan pemerhatian dan pemantauan pengkaji terhadap guru-guru yang mengajarkan Bahasa Melayu di SJKT mendapati bahawa kaedah pengajaran aspek tatabahasa bahasa Melayu yang dilaksanakan ialah kaedah tradisional yang lebih mementingkan analisis semantik dan kaedah baharu yang mementingkan analisis struktur. Pada pendapat pengkaji, kesalahan bahasa dalam kalangan murid India sebenarnya disebabkan

mereka tidak mengetahui dengan baik sistem bahasa Melayu. Oleh sebab keajihan ini, mereka mengambil jalan sendiri mengikut keselesaan menggunakan bahasa. Kesannya, mereka melakukan kesalahan bahasa dalam perbuatan dan penulisan. Hal yang sedemikian ini bertepatan dengan pendapat Abdul Ghalib Yunus (1997) (dalam Rohaza Binti Mohd Saad. (2011)) yang menyatakan bahawa keajihan bahasa bermaksud pengguna bahasa tidak mengetahui peraturan yang khusus tentang aspek morfologi dan sintaksis. Akibatnya, pelajar akan mengaplikasikan atau menggunakan bahasa dengan sewenang-wenangnya tanpa mengambil kira sistem peraturan bahasa yang baku.

Selain itu, beban tugas guru juga menjadi faktor sampingan. Banyak aspek ketatabahasan yang hendak ditumpukan dalam pengajaran. Banyak latihan yang hendak dibuat dan disemak. Seseorang guru bahasa dipertanggungjawabkan mengajar banyak kelas yang bilangan pelajar dalam satu-satu kelas melebihi 35 orang. Kesannya, guru yang terlalu berat dengan beban tugas ini, sudah tentu tidak mempunyai banyak masa untuk membuat persediaan mengajar yang lebih baik.

Kadangkala, gaya pembelajaran bahasa yang kurang sempurna pun akan mengakibatkan berlakunya kesalahan bahasa (Suthanthiradevi J.N.J Money, 2004). Sikap sambil lewa mungkin mengakibatkan pelajar kurang fokus untuk memahami sistem nahu dalam bahasa yang dipelajari. Hal yang sedemikian ini menyebabkan pelajar gagal menghafal dan menguasai selok-belok tatabahasa



Pihak sekolah dan kementerian wajar berbincang bersama guru bahasa untuk mendapatkan satu penyelesaian yang bijak untuk mengatasi masalah penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan murid India di SJKT.

sesuatu bahasa. Akibatnya, pelajar banyak melakukan kesalahan dan kesilapan dalam bahasa, sama ada dalam bentuk lisan mahupun tulisan.

Tambahan pula, menurut Mashitah binti Mezelan(2011), disebabkan PdP di sekolah berorientasikan peperiksaan dan guru pula terpaksa menghabiskan sukatan pelajaran untuk tujuan peperiksaan, maka Bahasa Melayu yang diajarkan kepada semua murid bahasa kedua (B2) tidak begitu mengambil kira kemampuan bahasa murid. Keadaan ini menyebabkan terdapat segelintir murid B2 yang tidak dapat menguasai bahasa Melayu dengan baik akan ketinggalan. Hal yang sedemikian ini dibuktikan dalam keputusan UPSR yang menunjukkan penurunan peratus dalam pemahaman berbanding penulisan disebabkan murid menghafal isi untuk penulisan dan mendapat markah tinggi dalam bahagian tersebut. Namun, dalam

bahagian pemahaman murid tidak dapat berbuat demikian, maka turunnnya keputusan cemerlang dalam UPSR.

Rumusannya, fenomena menunjukkan bahawa walaupun bertahun-tahun bahasa Melayu diajarkan kepada murid-murid di sekolah rendah, kebanyakan murid masih terus melakukan kesalahan umum dalam penguasaan bahasa. Justeru, langkah-langkah tertentu haruslah diambil untuk meningkatkan pencapaian bahasa Melayu murid India. Pihak sekolah dan kementerian wajar berbincang bersama guru bahasa untuk mendapatkan satu penyelesaian yang bijak untuk mengatasi masalah penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan murid India di SJKT. Bak kata pepatah "tepak tangan sebelah takkan berbunyi", maka pendapat dan cadangan guru harus didengar seawaktu membuat sebarang keputusan demi kebaikan bersama. DB

**Kementerian Pendidikan digesa mengutamakan serta menambah bilangan guru Melayu yang mengajarkan mata pelajaran bahasa Melayu di SJKT dan SJKT untuk mempertingkatkan penguasaan murid dalam bahasa kebangsaan (Prof. Datuk Kamaruddin Kachar (dalam *Utusan Online*, 27 Oktober 2014).**